



1955 – *Penarik Becha* – apabila watak protagonis abang beca yang miskin. Tema cerita ialah penindasan orang miskin dalam milieu kapitalisme. Memang terdapat novel yang ditulis oleh Lao She pada tahun 1936 yang berjudul *Budak Becha (Rickshaw Boy)*, yang diangkat sebagai sastera agung oleh China.

Filem *Hang Jebat* diterbitkan pada tahun 1961, tetapi skrip asalnya ditulis beberapa tahun lebih awal, oleh Ali Aziz dengan judul “Hang Jebat Menderhaka”. Pada waktu yang sama itu, berlaku polemik penilaian semula sastera Melayu apabila watak wira Melayu mula bertukar perwatakan. Hang Jebat mula diterima sebagai “hero” menggantikan Hang Tuah. Kemudian Usman Awang memperkukuh peralihan ini dengan karya *Matinya Seorang Pahlawan – Jebat*. Penulisan semula *Hikayat Hang Tuah* oleh Kassim Ahmad pada tahun 1964 mengesahkan Jebatlah wira bangsa Melayu yang sebenar.

Perkara yang sama juga berlaku kalangan karyawan Hollywood dari lewat tahun 1940-an hingga 1950-an. Banyak karyawan filem disenaraihtamkan kerana bersekongkol dengan masyarakat

Secara umumnya, rakyat berbilang bangsa bersetuju bahawa pada suatu ketika, Malaysia telah menempuh proses penilaian semula dan penyesuaian pemerintahan, selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969. Proses penilaian semula dan penyesuaian ini dijadikan sebagai dasar utama kerajaan.



yang dikatakan mula bersimpati dengan komunisme.

Jika dirumuskan, memang jelas bahawa filem Melayu dahulu dipengaruhi oleh:

tradisi persembahan bangsawan kepada sinema Melayu dan “lesen kreatif” pengarah dari India dan Filipina; polemik transisi ideologi, seperti pengaruh yang dibawa oleh golongan sayap kiri yang dicerminkan melalui gerakan sastera ASAS 50, dan lanjutan daripada itu, peralihan kewiraan bangsa Melayu; dan masyarakat yang menjadi dominan sebagai penonton.

Pergolakan yang berlaku dalam sosiopolitik masyarakat sekarang menjadi antara faktor yang masih mempengaruhinya walaupun isunya mungkin berbeza. “Lesen kreatif”, sebagai hak pengkarya dan penonton yang dominan, masih mempunyai pengaruh. Antara pengaruh yang telah memainkan peranan utama sekarang termasuklah:

peranan media sosial yang teramat dominan kepada masyarakat yang menjadi ejen pembawa pengaruh yang paling utama; dan filem Malaysia sekarang menunjukkannya lebih cenderung kepada filem “pemisahan bangsa” dan jelas bahawa masyarakat Malaysia yang majmuk dijadikan sebagai isu utama.

Secara umumnya, semua pihak bersetuju bahawa tradisi penulisan apresiasi atau kritikan filem sentiasa mengekori industri hiburan, semacam dua pola apabila yang satu memerlukan yang lagi satu untuk terus membiak. Oleh itu, penulis ini mengikuti peningkatannya untuk dijadikan

sebagai perbandingan terhadap apa-apa yang juga terjadi kepada industri filem Malaysia sekarang.

Sejarah tradisi penulisan filem kritik bermula seawal industri Hollywood. Kemudian pada awal tahun 1950-an, Perancis berjaya mencetuskan gerakan *young turk*, yang diterajui oleh Andre Bazin selaku penaung dan penyumbang kepada penulisannya dalam majalah *Cahier Du Cinema*. Sumbangannya bersama-sama rakan pengkritik, seperti Roger Linheart, Alexander Astruc dan Francois Truffaut, telah menyemarakkan “teori *author*” sehingga terlaksana arus kedua sinema baharu. Dari sini berlaku perubahan dan peningkatan kepada penulisan analisis dan apresiasi filem sehingga menyumbang kepada institusi keilmuan.

“Penulis kritikan filem tempatan sekarang terdiri daripada golongan muda yang melihat filem tempatan dari sudut yang lain. Dan ini sedikit sebanyak telah berjaya mengalihkan pandangan penonton dan masyarakat ke arah pembentukan satu sinema Malaysia yang lebih segar...” tulis Mansor Puteh.

Penulis ini mentafsirkan tanggapan Mansor sebagai sesuatu perubahan yang “... lebih segar...” kerana berpunca daripada golongan muda yang amat terpengaruh oleh media sosial. Penulis ini berpendapat begitu kerana “rona” dan “genre” yang dibawa oleh media sosial semata-mata meraikan ketelusan dan demokrasi. Itulah yang menjadi daya tarikan kepada golongan muda. Pengaruh yang diserapkan oleh pengguna, penyebar, dan pelaris media sosial ialah golongan muda yang antaranya

termasuk pengkritik, karyawan, pelabur, peminat, pelaksana dasar perfileman, dan masyarakat umum.

Filem yang penulis ini kategorikan sebagai “pemisah bangsa” yang dipengaruhi ketelusan dan demokratik media sosial dari tahun 2014 hingga 2016 berjumlah 36 buah berbanding dengan penerbitan keseluruhan 135 buah. Bagi tahun 2016, daripada 20 buah filem berbahasa Melayu untuk tontonan masyarakat Melayu, terdapat tujuh buah filem “pemisah bangsa” atau filem Cina Malaysia dan India Malaysia. Inilah antara cabaran yang dihadapi oleh filem cereka Malaysia sekarang, iaitu filem yang mewakili satu masyarakat bangsa.

Secara umumnya, rakyat berbilang bangsa bersetuju bahawa pada suatu ketika, Malaysia telah menempuh proses penilaian semula dan penyesuaian pemerintahan, selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969. Proses penilaian semula dan penyesuaian ini dijadikan sebagai dasar utama kerajaan. Daripada dasar tersebut, berbagai-bagai rancangan, seperti Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Terangga, dilaksanakan untuk mencapai kesejahteraan antara masyarakat majmuk. Setiap masyarakat berbilang kaum diwajibkan mengamalkan sikap “muhibah”, iaitu rasa kasih sayang antara kaum yang mungkin terdapat perbezaan pendapat pada peringkat keturunan, budaya dan agama.

Dalam konteks ini, pada fahaman penulis ini, pengaruh yang mempengaruhi seseorang individu (pengarah filem) dan masyarakat yang pada dahulunya sesuai untuk dikekalkan mungkin sekarang tidak lagi dapat diterima

tanpa dinilai. Maksudnya ialah “lesen kreatif” seseorang karyawan hanya dapat didisiplinkan dengan memiliki ilmu yang cukup.

Jika dilihat isu ini dari pandangan ahli falsafah, kata Plato dan Socrates, ketertiban (order) terdapat pada alam semesta (kosmos). Masing-masing telah berada di tempat yang wajar. Namun demikian, pada masyarakat manusia, tidak ada keadilan ini, sebaliknya mereka berada dalam huru-hara. Jawapannya ialah seseorang insan wajib tahu akan tempat sewajarnya itu. Inilah asas daripada akhlak yang dituntut bagi diri individu. Individu itu wajib ada pelajaran dan ilmu. Hal ini bererti bahawa pengkarya (pengarah filem) ialah individu itu dan masyarakat terdiri daripada individu yang bergabung sebagai masyarakat.

Berbalik kepada permasalahan “pemanasan global” yang sedang kita hadapi sekarang, terjadinya kerosakan kepada sistem keseluruhan dunia berpunca daripada aktiviti manusia yang negatif. Maksudnya ialah terdapatnya golongan manusia yang hilang jati diri sehingga dengan mudahnya dapat dikuasai oleh sikap kerakusan yang diterima oleh sistem kapitalisme. Persoalan inilah yang dijadikan sebagai tema cerita filem *Cucu Datuk Merah* dan *Bunohan* yang diarahkan oleh Dain Said pada tahun 2012.

Makalah ini disesuaikan daripada kertas kerja “Filem Malaysia dalam Konteks Masyarakat Hari Ini” yang dibentangkan dalam Seminar dan Forum Filem Malaysia dalam Konteks Masyarakat Hari Ini yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia pada 17 Februari 2016 di Contents Malaysia Pitching Center (CMPCC), Platinum Sentral, Kuala Lumpur.